

Kasino: Niat Pemerintah lindungi warga disokong

Oleh AZAHAR MOHD
azahar@sph.com.sg

ORANG ramai secara keseluruhannya menyokong hasrat Pemerintah mahu melindungi golongan berisiko tinggi daripada kesan negatif perjudian – seperti mengehadkan jumlah kunjungan ke kasino bagi penduduk setempat yang mempunyai masalah kewangan atau berisiko tinggi.

Mereka juga menyokong langkah Pemerintah yang mahu memindahkan Akta Kawalan Kasino dan memastikan resort bersepadu (IR) terus menyumbang kepada industri pelancongan Singapura.

Demikian antara maklum balas yang diterima mengenai semakan

ke atas Akta Kawalan Kasino (Pindaan) semalam.

Perundingan selama empat minggu itu berakhir semalam.

Keseluruhannya, lebih 40 surat telah dihantar ke Gerbang Reach.

Pemerintah juga telah merangkumkan pelbagai saranan dan pandangan yang dilaporkan di media selain maklum balas yang dihantar secara langsung kepada agensi-agensi Pemerintah.

Sewaktu tempoh perundingan itu, Majlis Kebangsaan Terhadap Masalah Perjudian (NCPG) turut mengadakan empat sesi perundingan tertutup dengan pihak-pihak yang berkepentingan daripada pelbagai kumpulan masyarakat, akar umbi, agama dan khidmat sosial.

Pemerintah juga mengadakan rundingan dengan pengendali IR setempat.

Responden antara lain turut melahirkan keprihatinan mereka mengenai kegiatan-kegiatan perjudian di luar kasino, peranan individu dan keluarga dalam menangani masalah perjudian, bagaimana sumbangan ekonomi IR perlu dinilai dan meningkatkan denda yang boleh dikenakan ke atas pengendali kasino.

Pemangku Menteri Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan, Encik Chan Chun Sing, semalam merakamkan terima kasih kepada NCPG, selain pihak-pihak yang berkepentingan, yang melahirkan sokongan terhadap pindaan Akta Kawalan Kasino (Pindaan).